

EMPAT jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat menimba ilmu dan pengalaman. Sebut alam kampus, pelbagai nostalgia berlebar di minda. Kenangan manis, pahit semuanya datang menerjah.

Sempena sambutan Perayaan Jubli Emas 50 Tahun Universiti Putra Malaysia (UPM) (1971-2021), alumni yang turut merangkap *admin fanpage UPM DULU-DULU*, berganding bahu meraikan sambutan itu dalam norma baharu menerusi platform media sosial itu.

Penolong Pendaftar, Pusat Perhubungan Alumni UPM, **Nik Hafzaini Nik Hassan** berkata, Pusat Perhubungan Alumni dan UPM menyokong penuh hasrat murni yang dilakukan ini dalam usaha membawa alumni kembali kepada alma mater.

"Mereka ini datangnya daripada pelbagai zaman dan latar. Pelbagai kisah dan nostalgia berjaya dikisahkan semula dan seterusnya mendatangkan rasa kecintaan yang mendalam kepada universiti."

"Apa yang lebih penting, melalui *fanpage* ini juga data-data alumni dapat dikemaskini dan segala tatacara *posting* dan sebagainya dikawal selia oleh Pusat Perhubungan Alumni demi menjaga sensitiviti UPM dan warganya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Admin *fanpage UPM DULU-DULU*, diselenggara alumni institusi berkenaan iaitu Shahrudin Mahadi, Zulkifli Ahmad dan Mohd Razman Faizal Sulaiman. Hingga kini ia berjaya mengumpul lebih 7,000 alumni sejak mula diselenggara 1 Jun lalu. Laman itu bertujuan menyemarakkan rasa kebersamaan alumni dan alma mater.

Dunia tanpa sempadan disatukan menerusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekali gus membuka ruang untuk terus berhubung.

Salah seorang alumni, **Ghazali Salamat** (Alumni Kelas 1970) dari Kolej Pertanian Malaya, menggamit kenangan berendam dalam lumpur sewaktu minggu orientasi.

"Para junior dipaksa masuk ke dalam lumpur dengan berseluas pendek. Kisah itu kini menjadi memori sangat berharga buat mereka. Selepas orientasi hubungan senior dan junior menjadi semakin rapat dan saling membantu, baik

mengumpul memori untuk dikenang zaman akan datang," memetik laluan memori dalam *fanpage* berkenaan.

Pengalaman melalui Pemberontakan 13 Mei 1969 turut dikongsi alumni. Waktu itu sesi pembelajaran terpaksa dihentikan seketika akibat pemberontakan itu dan bersambung setahun kemudiannya.

Setiap paparan menyaksikan pelbagai getir dilalui demi segulung sijil. Ia memberi sinonim kepada pelajar tergendala pengajiannya akibat Covid-19. Sudah pasti ia akan terakam sebagai lipatan sejarah pada

masa akan datang sebagai tatapan generasi akan datang.

**KAWAH SURIA**  
Facebook *UPM DULU-DULU* turut menyebut setiap pelajar UPM pasti mengetahui kisah 'kawah suria' yang

boleh dikatakan *urban legend*.

Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UPM, **Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud** berkata, pelbagai dogongan dibawakan oleh senior kepada junior mengenai jawapan sebuah kawah yang terletak dalam kampus UPM ini. Hanya pada 2021 baru ramai yang tahu, apa yang dimaksudkan dengan 'kawah suria'.

"Jika ada bekas mahasiswa daripada UPM namun tidak pernah sampai ke sini, anda belum habis teroka kampus Serdang yang berkeluasan hampir 8.8 hektar ini."

"Ada kalangan alumni berkongsi pernah mencatat nama di atas tower kawah ini sebagai tanda mereka pernah sampai di situ."

"Jika dikenang sungguh nostaligik. Itulah zaman kampus dan tidak mungkin pengalaman itu dapat di tempat lain. Pasti ramai bekas mahasiswa yang mahu mengetahui apa sebenarnya kawah suria ini, untuk mengetahuinya anda dijemput untuk daftarkan diri di Facebook *UPM DULU-DULU*," katanya memetik status di *fanpage* berkenaan.

# Dedikasi UPM 50 tahun



KENANGAN orientasi pelajar dalam lumpur.

MUKA hadapan UPM Dulu Dulu.

SILA IMBAS QR CODE DI SINI  
<https://www.facebook.com/groups/upmduludulu>



NIK HAFZAINI NIK HASSAN

dalam pelajaran mahupun kehidupan kolej zaman itu.

"Apa yang cuba disampaikan betapa berbezanya idealogi zaman itu dengan zaman sekarang yang lebih mementingkan konten untuk diviralkan berbanding